

# PRUlink Asian high yield bond fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana

### Objektif Dana

**PRU**link Asian high yield bond fund (“Dana ini”) bertujuan untuk memaksimumkan jumlah pulangan dengan melabur dalam Dana-Sub dipanggil Dana Eastspring Investments Asian High Yield Bond MY (Kelas RM Hedged), yang terlingkungi dalam Eastspring Investments – Dana Asian High Yield Bond yang diuruskan oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited.

Dana ini melabur dalam pelbagai portfolio yang terutamanya terdiri daripada sekuriti pendapatan tetap / hutang hasil yang tinggi yang dikeluarkan oleh entiti Asia atau anak-anak mereka.

Dana ini juga boleh melabur dalam mana-mana dana lain dengan objektif yang serupa yang boleh didapati pada masa akan datang.

### Strategi Pelaburan & Pendekatan

Dana Sasaran dalam Dana-Sub dipanggil Eastspring Investments – Dana Asian High Yield Bond (Kelas ADM, mata wang USD). Dana Sasaran akan melabur terutamanya dalam sekuriti pendapatan tetap atau hutang hasil yang tinggi yang dikeluarkan oleh entiti Asia atau anak-anak mereka. Portfolio Dana Sasaran terutamanya terdiri daripada sekuriti didominasi dalam mata wang US dollar dan juga dalam pelbagai mata wang Asia serta bertujuan untuk memaksimumkan jumlah pulangan dengan melabur kebanyakannya dalam sekuriti pendapatan tetap atau sekuriti hutang yang diberi nilai bawah BBB-.

Pengurus Pelaburan Dana Sasaran, Eastspring Investments (Singapore) Limited menerapkan kedua-dua kaedah pengurusan pelaburan atas-ke-bawah dan bawah-ke-atas untuk memperolehi strategi tempoh, kredit dan peruntukan mata wang. Dari perspektif atas-ke-bawah, analisis ekonomi dan pasaran dilaksanakan untuk mengetahui prospek pasaran kadar faedah, serta trend kredit dan mata wang. Ini perlu digabungkan dengan proses pemilihan kredit bawah-ke-atas, yang berdasarkan penyelidikan dan analisis penerbit kredit, untuk mengenalpasti peluang nilai dan mengelakkan peristiwa kemungkiran.

Idea pelaburan yang terkukuh daripada analisis-analisis di atas akan menjadi calon yang akan dimasukkan dalam portfolio. Pengurusan risiko dalam proses pembinaan portfolio adalah amat ditekankan supaya risiko aktif yang ditanggung dapat diperbagaikan dan pulangan potensi adalah selaras dengan risiko yang diambil daripada setiap pelaburan.

### Peruntukan Aset

Dana melabur sehingga 100% Dana NAV ke dalam Dana-Sub yang ditentukan oleh Pengurus Dana. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair.

### Piawaian Prestasi

J.P Morgan Asia Credit Index Non-Investment Grade (RM Hedged)  
*Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari [www.jpmorganindices.com/indices/listing](http://www.jpmorganindices.com/indices/listing) dan [www.msci.com](http://www.msci.com)*

### Pengurus Dana

Eastspring Investments Berhad (531241-U)

## Yuran & Caj

### Caj Pengurusan Dana

1.0% setiap tahun

### Caj-caj lain, jika ada


Tiada

Sila ambil perhatian bahawa dana **PRU**link global bukanlah produk patuh Syariah dan prestasi pelaburan dana-dana tidak dijamin.

# PRUlink Asian high yield bond fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana



**Nota :** Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRUlink Asian high yield bond fund	Plawalan Prestasi J.P Morgan Asia Credit Index Non-Investment Grade (RM Hedged)
2015	-1.66% *	-0.43% *
2016	10.15%	13.75%
2017	4.90%	8.62%

\* Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2017

**Amaran:** Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk berkaitan pelaburan itu.

**Asas kiraan prestasi masa lalu:**

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n-1} - 1 \right) \%$$

# PRUlink Asian high yield bond fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Tambahan untuk PRUlink Asian high yield bond fund

PRUlink Asian high yield bond fund melabur dalam Dana Eastspring Investments Asian High Yield Bond MY yang terlinkungi dalam Eastspring Investments – Dana Asian High Yield Bond.

Pengurus Dana bagi Dana Eastspring Investments Asian High Yield Bond MY ialah Eastspring Investments Berhad manakala Pengurus Pelaburan bagi Eastspring Investments – Dana Asian High Yield Bond ialah Eastspring Investments (Singapore) Limited.

Yuran pengurusan mungkin dikenakan ke atas Dana dan / atau Dana Sasaran. Mohon ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.00%, sebagai caj pengurusan dana gabungan ke atas Dana dan Dana Sasaran. Dana Sasaran dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Pertukaran ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif lain yang mungkin menanggung perbelanjaan tambahan dalam Dana Sasaran yang di ambil kira sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan bagi mencapai prestasi dana.

Prestasi dana bagi Dana-Sub, Dana Eastspring Investments Asian High Yield Bond MY sejak permulaan, 7 Julai 2015 dengan kelas-kelas mata wang pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

Tempoh	3-bulan	6-bulan	1-tahun	3-tahun	Sejak Penubuhan (7 Julai 2015)
Asas	Bukan-Tahunan			Tahunan	
Prestasi Bersih	0.54%	2.64%	4.95%	N/A	6.31%

Prestasi dana bagi Dana Sasaran, Eastspring Investments – Dana Asian High Yield Bond pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

Tempoh	3-bulan	6-bulan	1-tahun	3-tahun	Sejak Penubuhan (30 March 2012)
Asas	Bukan-Tahunan			Tahunan	
Prestasi Bersih	0.48%	2.55%	4.81%	5.98%	5.74%

Nota: Prestasi atas adalah untuk Dana Sasaran Kelas ADM mata wang dalam USD.

Sumber: Bloomberg, 31 Disember 2017

### Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n-1} - 1 \right) \%$$

Nota: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

# PRUlink Asian high yield bond fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Risiko-Risiko Pelaburan untuk PRUlink Asian high yield bond fund

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk tetapi tidak terhad kepada:

### **Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana ini**

#### **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan-perubahan buruk dalam keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya dijejaskan oleh, antara yang lain-lain, kemantapan ekonomi dan politik. Jika pasaran yang dilaburkan oleh Dana ini merosot atau mengalami ketidakstabilan akibat situasi ekonomi atau politik yang buruk, ini boleh memberi kesan negatif kepada harga pasaran pelaburan Dana ini.

#### **Risiko Mata Wang**

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana-Sub mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang USD dan mata wang Dana-Sub. Di mana berkenaan, lindung nilai mata wang atau kelas dana yang melindungi nilai mata wang mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

#### **Risiko Derivatif**

Derivatif mungkin digunakan untuk melindungi nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana-Sub, seperti, tetapi tidak terhad kepada, risiko mata wang.

#### **Risiko Ketidapatuhan**

Risiko ini menimbul akibat daripada ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman syarikat pengurusan, contohnya, akibat daripada kesilapan syarikat pengurusan. Ketidapatuhan ini mungkin akan menyebabkan syarikat pengurusan dipaksa untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian supaya dapat membetulkan ketidakpatuhan dan maka menjejaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuhan undang-undang yang berterusan, peraturan, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana.

#### **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak selaras dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kemampuan pelabur untuk membelanja walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

# PRUlink Asian high yield bond fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## **Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana-Sub**

### **Risiko Pengurusan Dana Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana Sasaran dan pulangan Dana ini adalah tidak terjamin. Ini mungkin menjejaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini.

Dana Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang Pengurus Dana menganggap lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini. Perubahan tersebut memerlukan kelulusan pemegang-pemegang polisi.

### **Risiko Negara**

Dana-Sub akan melabur dalam Dana Sasaran yang bermastautin di Luxembourg. Sebarang perubahan-perubahan negatif dalam ekonomi asas di Luxembourg, kestabilan sosial dan politik, pergerakan mata wang dan polisi-polisi pelaburan asing di Luxembourg mungkin akan menjejaskan harga sekuriti yang dilaburkan oleh Dana Sasaran dan akibatnya menjejaskan Nilai Aset Bersih Dana ini.

### **Risiko Mata Wang**

Pelaburan dasar Dana-Sub mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berbeza daripada mata wang Dana-Sub. Prestasi Dana-Sub mungkin dipengaruhi oleh pergerakan kadar penukaran antara mata wang tempatan pelaburan dasar dan mata wang denominasi Dana-Sub.

### **Risiko Derivatif**

Pengurus Dana-Sub mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpulan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana-Sub mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana-Sub ini. Pengurus Dana-Sub tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpulan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindungi dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus Dana-Sub tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana-Sub ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana-Sub. Penggunaan kontrak depan pertukaran asing untuk aktiviti lindung nilai ini pula boleh menimbulkan risiko pengendalian dan garis panduan tambahan dan risiko-risiko ini diuraikan dalam keterangan terperinci mengenai pengurusan risiko derivatif dan prosedur penggunaan kami yang dilampirkan, di mana lindung nilai mata wang merupakan satu bahagian kecil.

## **Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana Sasaran**

### **Risiko Kredit**

Pelaburan dalam bon-bon adalah tertakluk kepada perubahan-perubahan negatif dalam keadaan kewangan penerbit, atau dalam keadaan ekonomi, atau kedua-duanya sekali, atau kenaikan kadar faedah di luar jangkaan, yang boleh menjejaskan kemampuan penerbit untuk membuat bayaran-bayaran faedah dan/atau pokok, terutamanya jika penerbit itu berkeumpulan tinggi.

Kemampuan penerbit untuk menunaikan tanggungjawab hutangnya juga boleh terjejas oleh perubahan-perubahan negatif dalam ramalan perniagaan, atau ketiadaan pembiayaan tambahan.

# PRUlink Asian high yield bond fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Risiko Kaunterparti

Dana Sasaran akan terdedah kepada risiko kredit kaunterparti-kaunterparti yang Dana Sasaran berurus niaga dengannya. Dana Sasaran boleh meletakkan deposit, melabur dalam bon-bon dan instrumen-instrumen pasaran kewangan, dan juga masuk dalam kontrak-kontrak derivatif untuk tujuan perlindungan nilai dan pengurusan portfolio yang cekap. Dalam keadaan di mana kaunterparti tidak dapat memenuhi kewajipannya terutamanya dalam keadaan kebangkrapan ini boleh membawa kerugian kepada Dana Sasaran. Risiko kaunterparti boleh dikurangkan dengan mengendalkan penilaian kredit pada kaunterparti untuk mengenal pasti kepercayaan kredit kaunterparti.

## Risiko Kadar Faedah

Secara umumnya, nilai bon-bon akan bergerak secara songsang dengan pergerakan kadar faedah. Dengan itu, harga bon-bon mungkin merosot apabila kadar faedah meningkat dan begitu juga sebaliknya. Bon-bon dengan kematangan yang lebih panjang dan kadar kupon yang lebih rendah adalah lebih sensitif dengan perubahan kadar faedah.

## Risiko Mata Wang

Pelaburan dasar Dana Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berbeza daripada mata wang Dana Sasaran. Prestasi Dana Sasaran mungkin dipengaruhi oleh pergerakan kadar penukaran antara mata wang tempatan pelaburan dasar dan mata wang denominasi Dana Sasaran.

## Risiko Derivative

Pengurus Dana Sasaran mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpulan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana Sasaran mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana Sasaran ini. Pengurus Dana Sasaran tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpulan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindungi dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus Dana Sasaran tidak mahu risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana Sasaran ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana Sasaran. Penggunaan kontrak depan pertukaran asing untuk aktiviti lindung nilai ini pula boleh menimbulkan risiko pengendalian dan garis panduan tambahan dan risiko-risiko ini diuraikan dalam keterangan terperinci mengenai pengurusan risiko derivatif dan prosedur penggunaan kami yang dilampirkan, di mana lindung nilai mata wang merupakan satu bahagian kecil.

## Risiko Kecairan

Dana Sasaran mungkin menghadapi risiko kecairan yang timbul daripada pelaburan dalam sekuriti yang mempunyai jumlah dagangan yang rendah, pengenaan sekatan perdagangan atau penggantungan sementara daripada perdagangan. Pelaburan dalam sekuriti yang mempunyai risiko kecairan yang tinggi boleh mengurangkan pulangan atau menanggung kerugian yang besar kepada Dana Sasaran jika Dana Sasaran tidak dapat menjual sekuriti ini pada masa atau harga yang sesuai. Kecairan boleh dikeringkan dalam masa yang sangat singkat terutamanya semasa krisis.

## Risiko Bon-Bon Kadar Hasil Tinggi

Dana Sasaran melabur dalam sekuriti pendapatan tetap atau bon-bon dengan kadar hasil tinggi, yang tertakluk kepada risiko kredit yang lebih tinggi daripada bon-bon gred pelaburan. Sekuriti pendapatan tetap atau bon-bon dengan kadar hasil tinggi ialah sekuriti pendapatan tetap yang diberi nilai rendah biasanya. Umumnya sekuriti pendapatan tetap yang diberi nilai rendah membayar hasil yang lebih tinggi daripada sekuriti pendapatan tetap yang diberi nilai tinggi untuk memberi pampasan kepada pelabur-pelabur akibat kepercayaan kredit yang rendah atau risiko kemungkiran yang lebih tinggi yang dibawa oleh sekuriti pendapatan tetap ini.

# PRUlink Asian high yield bond fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Risiko Pasaran Baru Muncul

Pemegang-pemegang polisi haruslah menyedari bahawa pelaburan-pelaburan Dana Sasaran di pasaran baru muncul berisiko lebih tinggi daripada pelaburan di pasaran maju. Portfolio Dana Sasaran maka mungkin mengalami turun naik harga yang lebih besar dan kecairan yang ketaranya lebih rendah daripada portfolio dilabur semata-mata dalam sekuriti penebit yang ditempatkan di pasaran yang lebih maju.

Pelaburan-pelaburan dalam sekuriti pasaran baru mungkin melibatkan risiko-risiko yang lebih tinggi berbanding dengan pelaburan dalam sekuriti penebit di pasaran yang lebih maju, contohnya:

- (i) Jumlah dagangan yang rendah atau tidak wujud, mengurangkan kecairan dan menyebabkan naik turun harga yang lebih serius untuk sekuriti berbanding dengan sekuriti penerbit yang setanding di pasaran yang lebih maju;
- (ii) Polisi-polisi kebangsaan yang tidak tertentu dan ketidakstabilan sosial, politik serta ekonomi, menambah potensi rampasan aset-aset, cukai pensaitan, kadar inflasi yang tinggi atau perkembangan diplomatik yang tidak memuaskan;
- (iii) Naik turun yang mungkin terjadi dalam kadar penukaran, undang-undang yang berbeza dan kewujudan atau kemungkinan pengenaan pengawalan tukaran, sekatan tahanan, atau undang-undang atau sekatan lain yang berkaitan dengan pelaburan-pelaburan ini;
- (iv) Polisi-polisi kebangsaan yang mungkin menghadkan peluang-peluang pelaburan portfolio contohnya sekatan pelaburan pada penerbit atau industri dianggap sensitif kepada kepentingan negara.; dan
- (v) Kekurangan atau perkembangan struktur undang-undang yang agak awal yang mentadbir pelaburan swasta dan pelaburan asing serta harta benda persendirian. Risiko-risiko lain yang berkaitan dengan pelaburan-pelaburan dalam penerbit pasaran baru muncul termasuklah: kekurangan maklumat awam penerbit sekuriti; perbezaan amalan penyelesaian berbanding dengan amalan di pasaran yang lebih maju boleh mengakibatkan kelewatan atau tidak mampu melindungi portfolio dengan sepenuhnya daripada kerugian atau kecurian aset; kemungkinan nasionalisasi syarikat atau industri dan perampasan atau cukai pensaitan; dan pengenaan pajak asing.

Pelaburan dalam sekuriti pasaran baru muncul boleh mengakibatkan perbelanjaan yang lebih tinggi secara umumnya yang disebabkan oleh: kos penukaran mata wang: komisen broker yang lebih tinggi di pasaran baru muncul tertentu; dan perbelanjaan untuk mengekalkan sekuriti dengan penjaga asing. Penerbit di pasaran baru muncul mungkin tidak tertakluk kepada perakaunan, pengauditan dan piawaian dan keperluan pelaporan kewangan berbanding dengan penerbit di pasaran maju. Di pasaran baru muncul yang tertentu, piawaian pelaporan amat berbeza. Oleh itu, ukuran pelaburan tradisional yang digunakan di pasaran maju, seperti harga atau nisbah pendapatan, mungkin tidak boleh diterima pakai di pasaran baru muncul tertentu.

Risiko seperti yang di atas boleh memberi kesan negatif kepada nilai pelaburan Dana Sasaran, dan maka menjejaskan Nilai Aset Bersih Dana Sasaran.

# PRUlink Asian high yield bond fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Pengurusan risiko

Dana Sasaran:

Pemantauan garis panduan dan sekatan pelaburan terutamanya dicapai melalui Charles River Trading System (CRTS). Garis panduan pelaburan ditubuhkan pada CRTS untuk pra-perdagangan dan pemantauan kelompok.

Pada dasar pra-perdagangan, pesanan yang kelihatan telah melanggar garis panduan pelaburan tidak boleh dilaksanakan tanpa siasatan dan kelulusan pasukan pematuhan. Kelulusan ini hanya diberi apabila ia disahkan bahawa pelaksanaan perintah/ dagangan sedemikian tidak akan menyebabkan apa-apa pelanggaran garis panduan pelaburan secara asas. Mengikut pemantauan sekumpulan, pasukan pematuhan menggunakan CRTS untuk menyemak supaya kedudukan hari akhir portfolio itu adalah berada dalam garis panduan pelaburan. Proses peningkatan adalah bagi memastikan pihak yang berkaitan akan dimaklum apabila berlakunya isu yang berpotensi atau sebarang pelanggaran.

Pegawai pematuhan menjalankan pemeriksaan garis panduan harian ke atas semua portfolio dengan menggunakan CRTS. Sistem ini membolehkan pasukan pematuhan untuk menjalankan pemeriksaan harian sebelum dan selepas dagangan untuk memastikan pematuhan garis panduan dan sekatan pelaburan pelanggan.

Pada tahap pelaburan, pemantauan dan kawalan risiko adalah disepadukan dalam proses pelaburan dengan tanggungjawab bagi pengurusan risiko portfolio terletak pada tangan pengurus portfolio. Pengurusan risiko portfolio bermula dengan memastikan sebagai pelabur, kami memahami saham yang kami pegang adalah mewakili pelanggan kami. Kami percaya bahawa portfolio adalah lebih daripada satu koleksi idea yang baik. Terdapat tumpuan pada pembentukan dan peruntukan bajet bagi risiko portfolio. Kami mahu memperuntukkan majoriti bajet risiko untuk menyimpan risiko tertentu. Semua faktor-faktor risiko yang lain (negara, sektor, saiz, dan lain-lain) biasanya ialah yang selebihnya.

Keseluruhan profil risiko portfolio dipantau setiap bulan oleh Strategist Portfolio dengan menggunakan Axioma. Ia menganalisis pelbagai ciri-ciri risiko untuk mengenal pasti apa-apa risiko yang tidak dicadangkan dikesan dalam portfolio. Analisis risiko membentuk input ke dalam proses pembinaan portfolio dan merupakan alat yang membantu untuk menentukan tahap risiko yang konsisten dengan standard dan objektif pelaburannya. Bajet risiko portfolio memberi tumpuan dalam pemilihan saham sebagai sumber utama penambahan nilai.

Dengan mengenal pasti kedua-dua risiko yang dicadangkan dan yang tidak dicadangkan dengan jelas, Pengurus Dana juga berminat untuk membina portfolio dengan risiko saham yang spesifik boleh selaras dengan pulangan ramalan untuk saham, dengan semua risiko yang tidak dicadangkan dapat dikurangkan.



# PRUlink Asian high yield bond fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran Sasaran</li></ul>	<p>Dana ini sesuai untuk pemegang-pemegang polisi yang:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mencari pendapatan dan nilai modal yang meningkat;</li><li>• Hendak mengambil bahagian dalam bon-bon Asian yang kadar hasilnya tinggi;</li><li>• Mempunyai daya toleransi risiko tinggi;</li><li>• Selesa dengan naik turun dan risiko dana yang melabur dalam bon-bon gred bukan-pelaburan dan/atau tidak dinilai; dan</li><li>• Menerima pakai tempoh pelaburan jangka masa panjang.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar &amp; Kekerapan Tarikh Penilaian</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari.</li><li>• Harga Unit bagi dana <b>PRU</b>link global tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan nilai dana dibahagi dengan bilangan unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai dana ialah nilai semua aset dana <b>PRU</b>link global selepas memotong berlanja untuk menguruskan, memperoleh, menyelenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana ini, cukai atau levi megikut undang-undang yang ditanggung oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("Prudential") ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset Dana ini dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Tarikh Penilaian hendaklah merupakan tarikh yang dipilih oleh Prudential dari semasa ke semasa, tetapi tidak kurang kerap daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan harga unit.</li><li>• Prudential akan menilai dana-dana <b>PRU</b>link global tersebut pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai dana-dana <b>PRU</b>link global yang dilaburkan dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit dana <b>PRU</b>link global akan ditentukan oleh Prudential pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada pemegang polisi selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk nilai dana untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh Dana ini untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keadaan-keadaan luar biasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Prudential tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% dana <b>PRU</b>link global yang lebih pada suatu Hari Penilaian.</li><li>• Prudential juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Prudential mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana Dana ini dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada pemegang polisi apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari dana <b>PRU</b>link global.</li></ul> <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>